



BULETIN

OGOS 2020
EDISI 08

Jabatan Laut Malaysia



PKPP!

**PKPP SEHINGGA
DISEMBER 2020**



JabatanLautMalaysia



@lautmy



jabatanlaut



**JABATAN LAUT MALAYSIA
MENGUCAPKAN SELAMAT
MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN
DAN HARI MALAYSIA 2020**



#MALAYSIAPRIHATIN #KIBARJALURGEMILANG #MALAYSIAKUMERDEKA

SIDANG PENGARANG



**YBHG DATO' HAJI BAHARIN
BIN DATO' ABDUL HAMID**

KETUA EDITOR



AZHAN

EGBERT



REETA



YATI



HAFEEZ



SHARIFAH



SITI

isi kandungan

INFO MENARIK

- 03** 7 Fakta Menarik
Disebalik Sejarah
Merdeka Yang Jarang
Diketahui

CAKNA JLM

- 05** Kunjungan dan Lawatan
06 Program dan Bengkel
07 Aktiviti JLM

STATISTIK

- 08** Maklumbalas Pelanggan
JLM

PANDANG MEDIA

- 09** Berita
10 Poster dan Ucapan

COVID 19

- 11** Arahan Berkaitan Penolakan
Permohonan Pihak Kapal
Pelayaran Dengan Kes
Kecemasan Untuk Berlabuh Di
Pelabuhan Malaysia Dan
Larangan Pengambilan Sampel
Rt Pcr Covid-19 Di Atas Kapal

PERKONGSIAN

- 12** Sentuhan Rohani
13 Dapur JLM

7 Fakta Menarik Disebalik Sejarah Merdeka Yang Jarang Diketahui

1. Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu dibuat pada 31 Ogos 1957. Tarikh ini dipilih dalam mesyuarat antara Ketua Pemuda UMNO, Tun Sardon Jubir dan timbalannya, Ahmad Badawi (ayah Perdana Menteri Malaysia ke-5) di Kepala Batas, Pulau Pinang pada 1956. Mufti Pulau Pinang, Haji Abdullah Fahim (ayah Haji Ahmad Badawi) turut ikut serta dalam perbincangan tersebut.

2. Perdana Menteri India dan Raja Thailand hadir ketika Hari Pengisytiharan Merdeka. Lebih 20 ribu orang berkumpul di Dataran Merdeka ketika jam tepat 12 tengah malam pada 31 Ogos 1957. Bendera Union Jack diturunkan dan bendera Malaysia dinaikkan. Di samping negarawan kita sendiri, seperti Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, upacara itu juga disaksikan oleh wakil-wakil dari negara-negara lain seperti kehadiran Perdana Menteri India, Raja dan Permaisuri Thailand serta wakil Ratu England, Duke of Gloucester.



3. Tunku Abdul Rahman melaungkan pengisytiharan 'MERDEKA' sebanyak 7 kali sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama di hadapan 20 ribu rakyat di Stadium Merdeka.

4. Dokumen Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dalam tulisan jawi dan Bahasa Inggeris.

5. Selama 28 tahun, rakyat menyambut Hari Kemerdekaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Namun, pada tahun 1985, Tun Dr. Mahathir (pada ketika itu Perdana Menteri Malaysia ke-4) memutuskan untuk memindahkan acara sambutan ke bandar raya Melaka. Sejak itu, acara sambutan Hari Kebangsaan diadakan di serata Malaysia; terutama Dataran Merdeka dan Putrajaya menjadi lokasi utama sambutan itu.



6. Terdapat festival bola sepak untuk meraikan Hari Kemerdekaan. Ketika itu, Malaya (sebelum penubuhan Malaysia) menjadi tuan rumah untuk festival bola sepak Merdeka yang dikenali sebagai Pesta Bola Merdeka. Pesta Bola Merdeka merupakan sebuah kejohanan bola sepak tahunan yang diadakan dengan tujuan untuk meraikan ulang tahun kemerdekaan Malaysia. Semasa 1950-an dan awal 1980-an, ia merupakan satu kejohanan berprestij di kalangan negara-negara Asia kerana para peserta menghantar pemain skuad utama mereka. Hong Kong memenangi kejohanan pertama pada tahun 1957.

7. Sebanyak 373 penyertaan dalam pertandingan reka bentuk bendera Malaysia dan dikemukakan kepada Majlis Perundangan Persekutuan untuk pemilihan. Daripada jumlah itu, hanya tiga rekaan disenarai pendek sebelum bendera Mohamed Hamzah dipilih kerana bendera Mohamed Hamzah mendapat pilihan majoriti dan perkenan Mesyuarat Majlis Raja-raja.



KUNJUNGAN DAN LAWATAN

03 OGOS 2020.

Pengarah Laut Wilayah Utara menyertai rombongan YB Dato' Hj Mohd Zolkafly bin Hj Harun - Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam (INTAP) Negeri Perak mengadakan Kunjungan Hormat kepada YB Menteri Pengangkutan Malaysia - YB Datuk Seri Dr Ir Wee Ka Siong dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) - YBhg Datuk Isham Ishak.



06 OGOS 2020.

Pengarah Laut Wilayah Utara bersama pegawai-pegawai kanan Wilayah Utara mengadakan kunjung hormat ke pejabat Pengarah Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) Perlis. Antara perkara yang dibincangkan adalah perdagangan rentas sempadan (cross border trade), Ops Benteng dan pematuhan peraturan-peraturan semasa oleh stakeholders industri maritim di negeri Perlis



17 OGOS 2020.

Lawatan ke had pelabuhan Johor Bahru oleh YBhg Datuk Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia di Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan. Lawatan turut dihadiri YBhg. Dato' Baharin bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia, Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Setiausaha Bahagian Maritim Kementerian Pengangkutan Malaysia dan YBhg. Dato' Hazman bin Hussein, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan). Rombongan tersebut telah diberikan taklimat semasa di Kapal Polaris berhubung keadaan semasa di had pelabuhan Johor Bahru. ⁰⁵



PROGRAM DAN BENGKEL

05 OGOS 2020 .

Sesi libat urus antara JLM Wilayah Selatan dan pengusaha bot di Mersing telah diadakan di Pejabat Daerah Mersing.

Sesi ini telah dipengerusikan oleh En Mohd Sharul Bin Mat Ripin itu telah dihadiri oleh 13 wakil pengusaha bot yang mewakili 124 bot sekitar Mersing. Antara intipati sesi adalah berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha bot semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan cadangan-cadangan pengusaha untuk merancakkan kembali industri pengangkutan air di Mersing



24-26 OGOS 2020.

Bengkel Akta & Undang2 Pencemaran Minyak Dari Kapal Dan Installasi Marin, Hotel Bayview Melaka.

Bengkel adalah merupakan anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya dan kehadiran En. Mohd Fairoz Rozali, SME sebagai penceramah dan fasilitator Bengkel. Bengkel turut dihadiri oleh wakil BKSAS, BPTBP dan JLW Selatan di samping penyertaan agensi kerajaan yang berkepentingan dan pihak industri.

Tujuan Bengkel adalah untuk mendapatkan input bagi tujuan penyediaan Peraturan Pencemaran Minyak Dari Kapal dan Installasi Marin yang akan digubal oleh JAS.


Peranan JLM dalam Bengkel ini bagi memastikan peraturan yang akan digubal selari dengan kehendak Peraturan Konvensi Antarabangsa MARPOL 73/78 dan OPS 1952 berkaitan prevention pollution from ship.



AKTIVITI JLM




Unit Korporat Ibu Pejabat Laut dengan kerjasama Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) telah mengadakan kempen derma darah pada di Lobi Ibu Pejabat Laut , Block A Ibu Pejabat Laut Malaysia.



18 OGOS 2020.



21 OGOS 2020.




Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis - sepasukan 15 anggota Task Force Operasi Pematuhan SOP COVID-19 telah hadir membantu Jabatan Laut Malaysia dalam memastikan penumpang yang menggunakan Terminal ini mematuhi SOP pencegahan COVID-19 yang berkuat kuasa. Pasukan ini telah hadir membantu pada hari sebelumnya iaitu pada 20 Ogos 2020 ketika kehadiran penumpang yang begitu ramai menyukarkan kawalan sendiri di tempat awam


MAKLUMBALAS PELANGGAN JLM

TOP 30 PEGAWAI BERURUSAN DENGAN PELANGGAN

Pegawai IPL




MAKLUMBALAS PELANGGAN IPL



RANKING UMUM

No	Ranking 5.0	Ranking 4.5 - 4.9	Ranking bawah 4.5
1	Mohd Nazri Armar	Velarian Shem Donggot	Mohd Saiful Azwan Shahron
2	Norhaslinda Bashir	Nordin Mohamadin	Muhamad Shahir A.Aziz
3	Rosliza Zainul Abidin	Yasmin Yusnidar Kamarudin	Siti Suhana Ahmad
4	Rosliza Zainudin	Rafidah Ramli	Nurul Shafinnas Mohd Jaafar
5	Faridah Man	Cornelius Joseph	Khairul Anwar Mohd Nor
6	Azizul Halimi Husain	Hazrool Rizal A.Rahim	Aimi Md Fadzil
7	Siti Nor Hasni Hassan	Dato' Haji Baharin Dato'Abd. Hamid	Zainal Fitri
8	Muhammad Nazrin Nordin	Farrahawa Mahat	Rozila Muda

Bahagian Berurusan Dengan Pelanggan



PANDANG MEDIA

21 OGOS 2020.

Sinar Premium Berita Edisi E-Kuiz E-Paper Lifestyle Suara Sinar Video Khas

>> EDISI > UTARA > Polis pantau SOP di Jeti Kuala Kedah

Polis pantau SOP di Jeti Kuala Kedah

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR || 21 Ogos 2020



Setiap pengunjung yang mahu berurusan dan memasuki Terminal Feri Kuala Kedah perlu mematuhi SOP PKPP sebelum dibenarkan masuk.

KUALA KEDAH - Polis akan melakukan pemantauan secara berterusan di Terminal Feri Kuala Kedah sehingga Isnin ini bagi memastikan orang awam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi mengekang penularan wabak koronavirus (Covid-19)

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Nor Azman Mohd Noor berkata, hasil pemantauan pihaknya semalam mendapati semua orang awam yang berada di Terminal Feri Kuala Kedah memakai pelitup muka dan menjalani pemeriksaan suhu badan.

"Kesemua orang awam yang masuk ke dalam jeti diwajibkan memakai pelitup muka oleh pihak pengurusan Terminal Feri Kuala Kedah.


myMetro

20 OGOS 2020.

UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/RAPXTRA BISNES METROTV COVID-19 PKP PKS AGRO SPEKTRUM
AKADEMA HITMETRO NUANSA SANTAI P&P DEKOTAMAN WM ADDIN RENCANA SIHAT XPRESI VROOM GALERI INFOGRAFIK

Penduduk Port Dickson tidak perlu panik

MyMetro > Mutakhir



Penduduk Port Dickson tidak perlu panik

MyMetro > Mutakhir

Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

WARGA Port Dickson tidak perlu cemas melihat persediaan dilakukan di Jeti Jabatan Laut Port Dickson bagi menyambut ketibaan pekerja yang baru pulang daripada bertugas di laut.

Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Sembilan, Shamil Ithman berkata, itu adalah sebahagian daripada prosedur operasi standard (SOP) kemasukan ke Malaysia melalui jalan laut.

"Pemeriksaan dan pendaftaran masuk pekerja laut di Jeti Jabatan Laut Port Dickson perlu dilakukan dan warga Port Dickson jangan cemas kerana ia SOP biasa.

"Proses saringan awal Covid-19 kepada 'Person Under Surveillance' (PUS) oleh petugas Klinik Kesihatan Port Dickson sebelum PUS dihantar ke pusat kuarantin untuk dikuarantin selama 14 hari.

"SOP ini perlu dipatuhi mereka yang pulang/masuk ke Malaysia untuk dikuarantin selama 14 hari sebelum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing," katanya.

Bellau berkata, PUS yang menjalani saringan awal Covid-19 akan dihantar ke pusat kuarantin dengan diiringi ambulans APM Port Dickson.



PETUGAS dari APM Port Dickson sedang menjalankan tugas-tugas bagi memeriksa kemasukan ke Malaysia melalui jalan laut. FOTO APM Port Dickson

Menurutnya, semua petugas memakai sut Peralatan Perlindungan Diri (PPE) dibenarkan sebagai langkah keselamatan dan siap siaga bagi menghalang penyebaran Covid-19.

PANDANG MEDIA



**KETUA SETIAUSAHA
NEGARA (KSN)**



**PENGARAH JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM**



PANDEMIC COVID 19

ARAHAN BERKAITAN PENOLAKAN PERMOHONAN PIHAK KAPAL PELAYARAN DENGAN KES KECEMASAN UNTUK BERLABUH DI PELABUHAN MALAYSIA DAN LARANGAN PENGAMBILAN SAMPEL RT PCR COVID-19 DI ATAS KAPAL



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-6000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anisham@moh.gov.my

Rujukan kami: KKM.600-37/4 (1JLD 2) (3f)
Tarikh: 29 Ogos 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan,

ARAHAN BERKAITAN PENOLAKAN PERMOHONAN PIHAK KAPAL PELAYARAN DENGAN KES KECEMASAN UNTUK BERLABUH DI PELABUHAN MALAYSIA DAN LARANGAN PENGAMBILAN SAMPEL RT PCR COVID-19 DI ATAS KAPAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan, terdapat beberapa arahan terkini berkaitan keperluan kesihatan di pelabuhan negara bagi menangani penularan wabak COVID-19 selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang bermula 10 Jun 2020 seperti berikut:-

- a. Seperti pihak YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan sedia maklum, kapal pelayaran tidak dibenarkan berlabuh di pelabuhan negara ini kerana ia memerlukan penyediaan sumber yang tinggi dan mencukupi seperti sumber manusia, peralatan perubatan, *Personal Protective Equipment* (PPE), bahan pakai buang serta ubatan bagi tujuan saringan dan rawatan. Walaubagaimanapun terdapat permohonan daripada kapal-kapal pelayaran ini untuk berlabuh di pelabuhan Malaysia atas sebab kecemasan. Pada 23 Julai 2020, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Perintah Kawalan Pergerakan telah membuat keputusan supaya kerajaan **menolak secara berdiplomasi** sebarang permohonan daripada pihak kapal pelayaran ini walaupun mereka membuat panggilan S.O.S (*Save Our Soul*).
- b. Bagi pelaksanaan pengambilan sampel untuk ujian RT PCR COVID-19 untuk krew kapal yang dibenarkan untuk prosedur *sign-off* di pelabuhan Malaysia, Mesyuarat Teknikal COVID-19 Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 10 Ogos 2020 telah memutuskan

bahawa pengambilan sampel untuk ujian RT PCR COVID-19 ini, samada dijalankan oleh anggota KKM atau anggota makmal/klinik swasta, perlu dilaksanakan di dek kapal dan mengadakan *holding ground* untuk tujuan ini adalah tidak dibenarkan.

3. Mohon YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan untuk maklumkan perkara ini kepada semua anggota di Pintu Masuk Antarabangsa di bawah tanggungjawab masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Dr/Tuan/Puan boleh menghubungi Dr Azmi bin Abdul Rahim di talian 03-8883 4122 atau emel di alamat arazmi@moh.gov.my atau Dr Salmiah Binti Baharudin di talian 03-88834380, emel: drsalmiah_b@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah

(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k :


Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya

SENTUHAN ROHANI



Cling to them as you would your life,
for without them, life is meaningless.
Don't let your life slip through your
fingers by living in the past or for the
future. By living your life one day at a
time, you live all the days of your life.
Don't give up when you still have
something to give.

THE MAN WHO CARES ABOUT YOU

DAPUR JLM

SOTONG SOS BERLADA



PENYEDIAAN TELUR SUMBAT

STEP 1

CAMPURKAN TELUR BERSAMA BAWANG, CILI, LADA PUTIH YANG TELAH DICINCANG DAN JUGA GARAM (SECUKUP RASA)

STEP 2

GORENG CAMPURAN TELUR TADI UNTUK DIJADIKAN TELUR HANCUR (SCRAMBLE EGG)

STEP 3

TUTUP API. KEMUDIAN MASUKAN LOBAK MERAH DAN DAUN BAWANG. GAULKAN SEKALI.

STEP 4

SETELAH SEJUK. MASUKAN INTI INI 3/4 PENUH KE DALAM SOTONG.

STEP 5

TUTUP BADAN SOTONG DENGAN KEPALANYA. GUNAKAN PENCUKIL GIGI ATAU LIDI.

PENYEDIAAN SOS (TUMIS)

STEP 6

PANASKAN MINYAK. TUMISKAN SEMUA BAHAN KISAR DAN SIAP KISAR (KETUMBAR, JINTAN MANIS, JINTAN PUTIH) SEHINGGA NAIK BAU DAN SEDIKIT GARING

STEP 7

MASUKAN KICAP, ASAM KEPING, GARAM DAN GULA SECUKUP RASA. BIARKAN KUAH SEDIKIT KERING.

STEP 8

MASUKAN SOTONG YANG TELAH DISUMBAT TELUR. GAUL SEBATI DAN BIARKAN SEHINGGA SOTONG MASAK.

STEP 9

TABURKAN BAWANG YANG TELAH DIPOTONG BULAT. MATIKAN API.

BAHAN UTAMA

500 GRAM SOTONG

1 BIJI BAWANG BESAR

BAHAN INTI

2 BIJI TELUR (DIPUKUL)

1/2 BIJI BAWANG BESAR (DICINCANG)

1 BIJI CILI MERAH (DICINCANG)

2 HELAI DAUN BAWANG (DICINCANG)

1 SUDU BESAR LOBAK MERAH (DICINCANG)

GARAM (SECUKUP RASA)

GULA (SECUKUP RASA)

BAHAN KISAR

5 BIJI BAWANG MERAH

2 ULAS BAWANG PUTIH

1/2 INCI HALIA

1/2 INCI LENGKUAS

1 BATANG SERAI (DIRACIK)

BAHAN UNTUK SOS

3 SUDU BESAR CILI KISAR

2 SUDU KECIL KETUMBAR (SIAP KISAR)

1/2 SUDU KECIL JINTAN MANIS (SIAP KISAR)

1/2 SUDU KECIL JINTAN PUTIH (SIAP KISAR)

2 SUDU BESAR KICAP SOYA

1 KEPING ASAM GELUGUR

GARAM (SECUKUP RASA)

GULA (SECUKUP RASA)

MINYAK (UNTUK TUMIS)

